

Lengkapkan perbualan di bawah ini dengan pernyataan yang sesuai.

- ⇒ Melalui pembacaan, kita dapat meningkatkan pengetahuan dan pengalaman.
- ⇒ Sekiranya ada kelapangan, bolehlah kamu datang ke rumah.
- ⇒ Sejak kecil lagi, ibu bapa saya sudah memupuk budaya membaca dalam diri saya.
- ⇒ Semasa saya menjejakkan kaki di sini pagi tadi, saya agak berdebar-debar.
- ⇒ Seronok saya dapat berkawan dengan kamu yang sama minat dengan saya.
- ⇒ Saya gemar membaca bahan bacaan sains fiksi kerana saya bercita-cita hendak menjadi saintis.

Idzwan: Sekarang kita berada dalam tingkatan satu. Rasa berbeza daripada sekolah rendah. Pasti banyak pelajaran baharu yang akan kita pelajari.

Farid: Benar cakap kamu. _____
Situasinya agak baharu bagi saya.

Idzwan: Saya pun berasa agak takut juga semasa datang ke sekolah tadi. Tetapi saya berasa bangga kerana saya telah meningkat dewasa.

Farid: Saya berasa seronok dapat berkenalan dengan kamu. Apakah hobi kamu pada waktu lapang?

Idzwan: Saya suka membaca. _____

Lama-kelamaan budaya sudah menjadi kebiasaan dalam hidup saya.

Farid: Saya pun suka membaca. Saya ada pelbagai koleksi bahan bacaan. Menurut ibu bapa saya, budaya membaca banyak manfaatnya. _____

Idzwan: Saya sependapat dengan kamu. _____

Pengetahuan yang kita peroleh ini dapat membantu kita dalam pembelajaran.

Farid: Benar cakap kamu. Melalui minat membaca, saya dapat mengetahui skop kerjaya saintis. _____

Bolehlah kita bertukar-tukar bahan bacaan dan berkongsi minat.

Idzwan: _____

Nampaknya loceng loceng sudah berbunyi. Marilah kita masuk ke kelas.